

PERATURAN-PERATURAN PENGGUNAAN KOLAM RENANG AWAM PUTRAJAYA

1. Masa penggunaan kolam renang ini adalah secara berasingan mengikut jantina sepertimana yang diperincikan dalam jadual di para 2.3 di atas. Mereka yang tidak berkenaan tidak dibenarkan masuk ke kolam renang kecuali penyelamat atau kakitangan bertugas.
2. Pengguna tidak dibenarkan masuk tanpa memakai "*Wrist band*".
3. Pengguna hendaklah menggunakan pakaian mandi yang dibenarkan apabila memasuki kolam renang. Bagi kolam kanak-kanak, pengiring boleh masuk dengan pakaian biasa.
4. Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun hendaklah ditemani setiap masa.
5. Pengguna hendaklah bersihkan diri di air pancuran yang disediakan terlebih dahulu sebelum memasuki kolam.
6. Pengguna yang mengidap penyakit kulit, penyakit berjangkit atau mabuk tidak dibenarkan memasuki kawasan kolam.
7. Pengguna adalah dilarang berkelakuan tidak senonoh atau sebarang tindakan kacau ganggu pengguna lain.
8. Pengguna adalah dilarang membawa masuk sebarang jenis minuman dan makanan ke dalam kolam renang. Begitu juga merokok, makan dan minum adalah dilarang semasa berada dalam kolam renang.
9. Pengguna dilarang membawa masuk sabun, syampu atau benda lain yang tidak berkaitan di kawasan kolam.
10. Pengguna hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar kolam. Dilarang membuang apa-apa benda termasuk cecair ke dalam kolam.
11. Pengguna dilarang membawa masuk sebarang jenis binatang ke kawasan kolam.
12. Pengguna dilarang mengguna atau mengalih peralatan penyelamat kecuali dengan kebenaran atau semasa kecemasan.
13. Pengguna digalakkan memakai "*goggles*" semasa mandi.
14. Pengguna tidak digalakkan mandi semasa hujan lebat, guruh atau petir.

15. Pengguna yang tidak/kurang pandai berenang dinasihatkan tidak berenang berseorangan.
16. Pengguna hendaklah sentiasa mematuhi dan mengikuti semua arahan yang dikeluarkan oleh petugas atau penyelamat.
17. Perbadanan Putrajaya berhak menegur atau menasihati mana-mana pengguna yang melanggar peraturan yang ditetapkan dan mengarahkan pengguna yang tidak mematuhi peraturan supaya meninggalkan kawasan kolam renang serta merta.
18. Perbadanan Putrajaya berhak membatalkan, meminda atau menambah mana-mana peraturan penggunaan kawasan kolam renang dari masa ke semasa.
19. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian, kecederaan, kemalangan atau kematian pengguna sebelum, semasa dan selepas menggunakan kolam renang ini.
20. Tempahan berkumpulan pula tertakluk kepada peraturan tambahan seperti berikut:
 - a. Kelulusan tempahan bergantung kepada pembayaran penuh sebelum guna dan pematuhan syarat penggunaan seperti di atas.
 - b. Tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh guna secara bertulis atau dengan menggunakan borang yang disediakan.
 - c. Tempahan dari agensi kerajaan boleh dibuat dengan menggunakan surat rasmi atau pesanan tempatan masing-masing.
 - d. Pembayaran bagi tempahan berkumpulan boleh dibuat di kaunter atau mana-mana tempat / kaedah bayaran yang diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya. Resit Bayaran hendaklah ditunjukkan sebagai bukti bayaran semasa hendak memasuki kawasan kolam renang.
 - e. Sebarang perubahan masa atau tarikh penggunaan hendaklah dibuat tidak kurang dari 3 hari sebelum tarikh guna asal.
 - f. Pembatalan disaat akhir tidak digalakkan.